

9 MEI 2016

KENYATAAN MEDIA

*oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)*

PBAPP TIDAK PERNAH MELEPASKAN AIR MENTAH KE DALAM SUNGAI MUDA ATAU KE LAUT

PULAU PINANG, Isnin (9/5/2016): Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) tidak melepaskan air mentah ke dalam Sungai Muda atau ke laut, seperti yang didakwa oleh pesawah-pesawah.

Kenyataannya, Pulau Pinang tidak mempunyai empangan yang boleh melepaskan air ke dalam Sungai Muda. Pemasangan air mentah di Rantau Panjang adalah Skim Air Ampang Jajar Sungai Muda (SMWSB).

Terdapat limpahan di ampang jajar ini kerana ia tidak direka untuk menghentikan sepenuhnya atau menghalang aliran air dari Sungai Muda ke Selat Melaka.

Telah berlaku demonstrasi kecil oleh lebih kurang 100 pesawah di ampang jajar berkenaan pada 7 April 2016. Memandangkan ia adalah kawasan kawalan keselamatan, PBAPP telah mengerahkan pasukan polis bantuan untuk mengawal kawasan itu dan untuk memastikan keselamatan pesawah.

PBAPP bersimpati dengan nasib petani yang tidak boleh menanam padi kerana Super El Nino. Walau bagaimanapun, mereka menyatakan kemarahan dan kekecewaan mereka pada pihak yang salah dan di pemasangan air yang tidak betul.

FUNGSI AMPANG JAJAR

SMWSB dibina pada tahun 1973 untuk:

- a) Mengelakkan kemasukan kemasinan air laut dari Selat Melaka ke kawasan abstraksi air di sepanjang Sungai Muda;
- b) Mengekalkan paras sungai yang mencukupi bagi PBAPP mengabstak air di bahagian hulu di Muka Sauk Lahar Tiang; dan
- c) Memberikan aliran minimum dalam lingkungan 5% hingga 10% seperti yang ditetapkan oleh Akta Air 1920 (pindaan 1989) bagi memastikan air Sungai Muda terus mengalir ke Selat Melaka.

Struktur ini sudah berusia 43 tahun. Ia masih berfungsi dengan baik.

Ketinggiannya adalah tetap, dan tidak boleh dinaikkan atau diselaraskan. Ia tidak boleh dimanipulasikan dalam apa-apa cara untuk mengurangkan jumlah limpahan. Walau bagaimanapun, pintu di bahagian bawah ampang jajar boleh dibuka untuk melepaskan air banjir setiap kali hujan yang berlebihan bagi mengelakkan sungai daripada melimpahi tebingnya.

LIMPAHAN AIR DI AMPANG JAJAR

Limpahan air di ampang jajar, disebabkan oleh paras sungai yang tinggi, mungkin berpunca daripada:

- Pelepasan air daripada dua empangan yang direka bentuk untuk melepaskan air ke dalam Sungai Muda – Empangan Beris dan Empangan Muda di Kedah; dan/atau
- Hujan yang lebat di sekitar kawasan tadahan air Muda.

PBAPP tidak mengawal pelepasan air dari Empangan Beris dan Empangan Muda. Dan, kita tidak boleh mengawal jumlah hujan di kawasan tadahan.

AMPANG JAJAR TIDAK BOLEH 'DIUBAH SUAI SERTA-MERTA

SMWSB tidak boleh diubah suai atau dinaikkan sebagai langkah sementara. Apa-apa rancangan untuk menaikkan amping jajar mestilah berpandukan kajian kejuruteraan yang mendalam dan betul.

Langkah sementara tanpa kebenaran untuk menaikkan amping jajar adalah berbahaya dan mungkin menyebabkan kesan yang buruk. Jika struktur amping jajar terjejas, air laut akan mengalir ke hulu. Jika amping jajar runtuh, paras sungai akan turun.

Bencana seperti ini akan menjejaskan kerja-kerja pengambilan air mentah harian oleh Loji Rawatan Air Sungai Dua PBAPP dan 14 loji rawatan air di bahagian hulu yang terletak di Selatan Kedah.

Semua fakta ini dapat disahkan dengan mudah oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

CARA YANG LEBIH MUDAH, LEBIH CEPAT DAN LEBIH SELAMAT

Cara yang lebih mudah, lebih cepat dan lebih selamat untuk mengurangkan limpahan ini adalah untuk mengurangkan pelepasan air dari Empangan Beris dan Empangan Muda di Kedah.

PBAPP telah secara terbuka dan berulang kali menggesa pelepasan air dikurangkan dari empangan-empangan berkenaan. Langkah ini akan mengelakkan pembaziran air dan akan membantu mengekalkan paras empangan ini untuk seberapa lama yang boleh.

Izinkan saya untuk menjelaskan sekali lagi:

1. PBAPP tidak melepaskan air mentah ke dalam Sungai Muda atau ke laut. Pulau Pinang tidak empangan yang boleh melepaskan air ke dalam sungai.
2. Kita tidak mengawal pelepasan air mentah dari Empangan Beris dan Empangan Muda di Kedah.
3. Kita tidak boleh menaikkan atau mengubah-suai amping jajar di



Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs

Rantau Panjang tanpa kajian kejuruteraan dan kerja-kerja kejuruteraan yang menyeluruh.

4. Kita tidak harus dipersalahkan kerana limpahan di ampang jajar.

Terima kasih.

*Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)*

Hubungi : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Corporate Communications Unit
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my